

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA NEGERI SELANGOR



**MODUL PINTAS (MP)
TINGKATAN 5, 2017**

1103/1

**BAHASA MELAYU
Kertas 1
September**

$2\frac{1}{4}$ jam

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*


Kertas peperiksaan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

Bahagian A
[30 markah]
[Masa dicadangkan : 45 minit]


Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada kepentingan menabung wang kepada masyarakat.

Huraikan pendapat anda tentang kepentingan menabung wang kepada masyarakat. Panjangnya huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

KEPENTINGAN MENABUNG WANG KEPADA MASYARAKAT



Jaminan pendidikan



Waktu kecemasan



Simpanan hari tua

Bahagian B


[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Aktiviti seperti beriadah, berkhemah, dan menyertai program khidmat masyarakat pada musim cuti sekolah amat digalakkan kepada remaja.
Jelaskan faedah-faedah yang anda peroleh daripada aktiviti-aktiviti tersebut.
- 2 Cabaran membentuk masyarakat yang bersatu padu di sekolah amat besar. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah wajar mengambil langkah-langkah untuk memupuk perpaduan antara kaum dalam kalangan murid.
Bincangkan.
- 3 Keistimewaan yang dimiliki oleh Malaysia sebagai destinasi pelancongan memerlukan kerajaan dan agensi swasta mengambil langkah yang sepatutnya untuk menarik kedatangan pelancong.
Ulas pernyataan ini.
- 4 Pengambilan tenaga kerja dari negara luar bertujuan membantu pembangunan ekonomi negara, namun begitu terdapat beberapa masalah sosial yang timbul. Sehubungan dengan itu, anda ingin menulis sebuah rencana bertajuk 'Langkah-langkah Mengatasi Masalah Sosial yang Ditimbulkan oleh Tenaga Kerja dari Negara Luar.'
Tulis rencana itu selengkapnya.
- 5 Sesebuah karya sastera yang baik dan menarik dapat mendidik pembaca.
Huraikan ciri-ciri karya sastera yang baik dan menarik.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA NEGERI SELANGOR



MODUL PINTAS (MP)
TINGKATAN 5, 2017

1103/2

BAHASA MELAYU

Kertas 2
September

2 $\frac{1}{2}$ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **punca kemusnahan ekosistem hutan dan langkah-langkah untuk mengawal kemusnahan ekosistem hutan**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Kejadian banjir besar yang melanda beberapa negeri di Pantai Timur pada penghujung 2014 masih segar dalam ingatan. Namun, malangnya bencana yang telah meragut banyak nyawa dan memusnahkan harta benda itu seolah-olah tidak mampu memberi pengajaran dan menyedarkan segelintir daripada kita tentang kepentingan menjaga kelangsungan ekosistem. Antara khazanah alam yang sering menjadi mangsa pencabulan ekoran sikap tamak haloba manusia adalah ekosistem hutan. Ekosistem ini bukan sahaja diteroka secara berterusan untuk mendapatkan sumber bahan mentah bagi memenuhi keperluan industri, bahkan turut digondolkan untuk tujuan pembangunan kawasan perumahan dan pertanian. Keadaan ini sekali gus mengakibatkan kawasan hutan sedia ada semakin mengecil dan terhakis dari sehari ke sehari.

Lebih membimbangkan apabila tuntutan pembangunan yang kian pesat pada hari ini telah mengakibatkan segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab tergamak melakukan penerokaan ke atas kawasan hutan simpan. Malah, pencerobohan ke atas kawasan hutan simpan di segenap pelosok negeri semakin berleluasa. Kayu-kayan merupakan hasil penting yang dihasilkan oleh hutan. Kayu mempunyai pelbagai kegunaan seperti bahan api, perabot, kegunaan kertas dan pembinaan rumah. Hal ini menjadi tumpuan pembalok haram untuk membalak di kawasan ini yang turut menyumbang kepada berlakunya kemusnahan ekosistem hutan. Di Kuching, kegiatan pembalakan haram di Kawasan Matang Lot terus berleluasa sehingga menyumbang kepada kepupusan spesies kayu berkualiti tinggi. Sama ada kita sedar atau tidak, penerokaan kawasan-kawasan hutan boleh memusnahkan atau mengecilkan *habitat haiwan* seperti harimau dan gajah. Selain itu, pembakaran hutan secara terbuka juga turut memusnahkan ekosistem hutan yakni spesies haiwan di hutan selama-lamanya.

Industri pelancongan merupakan sebahagian punca kemusnahan hutan. Hal ini disebabkan oleh pembukaan tempat pelancongan yang baru memerlukan aktiviti penebangan hutan bagi pembukaan kawasan yang baru. Pembinaan kemudahan infrastruktur seperti jalan raya dan lebih rakyat urut memusnahkan ekosistem hutan. Pembangunan yang terlalu mendadak di kawasan pelancongan akan memusnahkan ekosistem hutan tanpa kita sedari. Hal ini disebabkan kekurangan pelaksanaan yang terancang dan pemantauan yang berterusan daripada pihak yang berkenaan sebelum mereka melakukan penerokaan atau penebangan hutan. Perlu kita sedari bahawa hutan merupakan satu komuniti untuk hidupan liar iaitu untuk pokok-pokok besar serta haiwan liar. Hutan berperanan penting kepada manusia kerana hutan membekalkan sumber bahan mentah dan penyumbang kepada sosioekonomi serta kestabilan ekologi kepelbagaian hayat sesebuah negara. Pendek kata hutan merupakan khazanah berharga dan perlu dijaga secara sistematik demi kestabilan ekosistem negara kita.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Sains dan Teknologi dalam kehidupan Manusia'
oleh Shahidan Abdullah,
Dewan Siswa, September 2015

Soalan 2 : Pemahaman
[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Berikan maksud rangkai kata *habitat haiwan*. [2 markah]

(ii) Hutan bukan sahaja merupakan satu komuniti untuk hidupan liar iaitu untuk pokok-pokok besar serta haiwan liar tetapi juga berperanan penting kepada manusia.

Nyatakan kepentingan-kepentingan hutan kepada manusia. [3 markah]

(iii) Hutan sebagai khazanah alam yang perlu dipelihara.

Pada pendapat anda, apakah kesan kemusnahan hutan kepada manusia? [4 markah]

Soalan 2(b) – Petikan Drama

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(Dalam wad pesakit jiwa, AZMIR didatangi DOKTOR).

DOKTOR : Encik Azmir apa khabar?

AZMIR : Baik doktor, Doktor?

DOKTOR : Saya juga baik. Terima kasih. Encik Azmir suka tak kalau saya benarkan Encik Azmir keluar bersiar – siar di luar sana?

AZMIR : *(Tidak sabar)*. Saya suka tuan doktor. Terima kasih, tuan doktor.

DOKTOR : Saya benarkan Encik Azmir keluar bersiar-siar di luar kerana Encik Azmir telah memperlihatkan kelakuan yang baik, tetapi jangan pergi jauh-jauh. Selepas bersiar-siar, Encik Azmir mesti balik ke sini semula. Jika Encik Azmir boleh patuh kepada syarat ini, Encik Azmir boleh keluar sekarang.

AZMIR : *(Sambil keluar)*. Terima kasih, tuan doktor.

DOKTOR : Jangan pergi jauh-jauh. Encik Azmir hanya boleh pergi di sekitar kawasan ini sahaja.

Dipetik daripada drama 'Bukan Gila'
oleh Sharif Shaary
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan petikan drama, nyatakan syarat-syarat yang dikenakan oleh doktor kepada Azmir. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan statistik daripada 6,540 orang murid yang telah disaring, 17.1 peratus daripadanya mengalami tanda-tanda keresahan yang teruk, 5.2 peratus kemurungan yang teruk dan 4.8 peratus stres yang teruk.
Cadangkan perkara yang perlu dilakukan oleh murid untuk menangani tekanan yang dihadapi oleh mereka dan alasannya. [3 markah]
- (iii) Jelaskan **satu** pengajaran yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** pengajaran lain daripada drama tersebut yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah habislah dikenalnya segala yang empunya, maka titah raja, “Hai segala kamu sekalian, hendaklah segala harta ini dibahagi tiga, dua bahagi akan Laksamana, sebahagi akan orang yang empunya harta, kerana harta ini sudahlah hilang beroleh akan Laksamana.”

Maka sembah orang itu, “Daulat tuanku, mana titah patik junjung.”

Maka sembah Laksamana, “Ya tuanku, jika demikian, sahaja aniyalah duli yang maha mulia dan dukacitalah sekalian empunya harta. Yang sebahagi itu akan patik. Dalam pada itu pun, maka kasih hatinya hendak memberi akan patik.”

Maka titah baginda, “Hai segala kamu, sukaiah seperti kata Laksamana ini?”

Maka sembah mereka itu, “Sukalah patik sekalian memberikan Laksamana. Demi Allah dan Rasul-Nya, dengan tulus ikhlas hati patik sekalian.” Masing-masing pun memberikan segala hartanya akan Laksamana.

Maka Laksamana pun membahagikan tiga, diambil oleh Laksamana harta itu sebahagi. Maka yang sebahagi Laksamana ambil itu dibahagi tiga pula; yang sebahagi itu didermakan pada segala fakir miskin dan sebahagi lagi diberikan kepada segala pegawai yang tiada penguasaan dan sebahagi diberikan pada segala orangnya. Maka segala harta itu pun habislah, suatu pun tiada diambil oleh Laksamana.

Maka baginda pun terlalu amat kurnia akan Laksamana; barang sesuatu bicara, jikalau tiada Laksamana, tiadalah putus. Maka negeri Melaka pun kararlah.

Dipetik daripada ‘Kepimpinan Melalui Teladan’
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan petikan tersebut, nyatakan titah raja kepada orang yang empunya harta. [2 markah]
- (ii) Nyatakan tindakan Laksamana apabila diperintah oleh Raja Melaka untuk menerima harta. [3 markah]
- (iii) Perbuatan bersedekah merupakan amalan yang mulia.

Sekiranya anda seorang Laksamana, adakah anda akan bertindak membahagikan harta tersebut kepada orang lain? [3 markah]

Soalan 2(d) – Sajak

Baca petikan sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Erti Hidup Bererti

Aku selalu didatangi
malam sepi
bagai kalung
yang melingkari leherku
tidak berubah keesokan hari
siapa yang akan datang menjengukku
keluhan seorang tua sunyi.

Keheningan tasik
kehijauan rumput
hanya menjadi bayangan
di penjuru ruang zaman
cinta dalam rahim dilupai
dari sulung ditendang ke bongsu
dari angah ditendang ke sulung balik
kucari erti hidup
menderita mengerang sakit
berdiri tanpa ruang.

Aku bagi mereka
tiada makna
anakku bakaku
baik setia mahupun derhaka
semoga disirami benih keinsafan
menjadi penawar dalam hati
embun cinta atasi angin dingin
jangan terpegun
ada yang hidup
tiada yang kekal kecuali Tuhan.

Teo Wei Sing

dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Nyatakan keadaan penyair dalam sajak tersebut. [2 *markah*]
- (ii) Pada **rangkap 2**, anak-anak penyair telah melupakan jasa ibu bapa sehingga ibu bapa berasa sedih.
Pada pendapat anda, apakah tindakan-tindakan yang perlu dilakukan untuk berbakti kepada ibu bapa? [3 *markah*]
- (iii) Jelaskan **dua** pengajaran yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 *markah*]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) *Tulis satu ayat bagi setiap penjodoh bilangan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- | | |
|--------------|-------------|
| (i) kaki | (iv) lembar |
| (ii) gugus | (v) pasang |
| (iii) berkas | (vi) kuntum |

[6 markah]

- (b) *Nyatakan jenis-jenis ayat perintah di bawah ini sama ada ayat suruhan, ayat larangan, ayat silaan atau ayat permintaan.*

- (i) Jemput ke majlis perkahwinan saya.
- (ii) Jangan lalu di kawasan peperiksaan.
- (iii) Buang sampah ke dalam tong sampah.
- (iv) Jika aku pulang lewat, usah tunggu aku.
- (v) Baca soalan dengan teliti sebelum menjawabnya.
- (vi) Harap bersabar sementara menunggu giliran anda.

[6 markah]

- (c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Tasik Putrajaya yang berukuran tujuh kilo meter panjang dikelilingi oleh pohon-pohon yang beraneka warna dapat memperindahkannya landskap.
- (ii) Kempen AntiIsrael telah dilancarkan dengan mensarankan pengguna agar memboikot barangan keluarannya seperti Cola-cola dan Mc Donalds.
- (iii) Negara kita akan menghadapi krisis makanan jika terlalu bertumpukan perhatian kepada bidang perindustrian demi mengejar status negara maju.

[6 markah]

- (d) *Dalam petikan di bawah, terdapat tiga kesalahan penggunaan kata atau istilah dan tiga kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan penggunaan kata atau istilah dan tiga kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.*

Negara kita kaya dengan hasil bumi dan kekayaan ini menjadi daya tarikan yang menolak kuasa asing agar menguasainya. Apabila Revolusi Perindustrian berlaku di England, British memerlukan bijih timah untuk memenuhi keperluan banyak kilang-kilangnya. Keadaan politik yang goyang di Negeri-negeri Melayu memberikan peluang pada British untuk ikut serta dan memaksa sultan-sultan Melayu menerima naungan British.

[6 markah]

- (e) *Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai bagi petikan tersebut.*

Sebelum zaman penjajahan British, orang Melayu telah menjalankan kegiatan pertanian secara kecil-kecilan hanya untuk menyara diri dan keluarga. Kedatangan penjajah yang telah mengembangkan perlombongan bijih timah dan pertanian getah menjadikan imigran Cina dan India dibawa masuk ke Tanah Melayu kerana telah menjadi lubuk rezeki. Kerana menyedari kepentingan perpaduan, mereka telah menubuhkan Parti Perikatan lalu membentuk kerajaan yang merdeka.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel
[15 markah]

Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut.

- (i) Jendela Menghadap Jalan karya Rohaini Matdarin
- (ii) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (iii) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (iv) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (vi) Tirani karya Beb Sabariah
- (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman

- (a) Konflik yang timbul dalam sesebuah novel membuatkan cerita semakin berkembang.

Jelaskan **dua** peristiwa yang dapat menggambarkan **penyelesaian konflik oleh watak utama** dalam sebuah novel yang anda pelajari.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu pengajaran tentang keberanian** yang terdapat dalam setiap novel tersebut.

[8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

Bahagian A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan

[30 markah]

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 – 30 (28 – 30) (26 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> Karangan <u>menepati</u> tema bahan rangsangan. Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas dan <u>tepat</u>. Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan <u>ungkapan yang menarik</u>. Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas dan <u>matang</u>.
Kepujian	20 – 25 (23 – 25) (20 – 22)	<ul style="list-style-type: none"> Karangan <u>menepati</u> tema bahan rangsangan. Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata <u>luas</u>. Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan <u>jelas</u>.
Memuaskan	15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)	<ul style="list-style-type: none"> Karangan <u>masih</u> menepati tema bahan rangsangan. Bahasa <u>masih</u> gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca <u>masih</u> betul dan tepat. Ejaan <u>masih</u> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata umum. Wacananya <u>masih</u> lengkap. Unsur bahasa <u>masih</u> bervariasi. Idea <u>masih</u> relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea <u>masih</u> jelas.

PENDIDIKAN SELANGOR

M 2017 1103/1(PP)

RIKSA SAHAJA

ata Jabatan Pendidikan Selangor.
kenaan sahaja. Sebarang maklumat
h dimaklumkan kepada sesiapa.
an dalam apa-apa bentuk media.

ungi 14 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah
SULIT[Lihat halaman sebelah
SULIT

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Kurang Memuaskan	10 – 14 (12 – 14) (10 – 11)	<ul style="list-style-type: none"> Karangan <u>kurang</u> menepati tema bahan rangsangan. Bahasa <u>kurang</u> gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tata bahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat <u>kesalahan ejaan yang ketara</u>. Penggunaan kosa kata <u>terhad</u>. Wacana <u>kurang</u> lengkap. Unsur bahasa <u>kurang</u> bervariasi. Idea <u>kurang relevan</u> dengan tema bahan rangsangan dan huraiananya <u>kurang jelas</u>.
Pencapaian Minimum	01 – 09 (06 – 09) (01 – 05)	<ul style="list-style-type: none"> Calon <u>tidak</u> menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. <u>Banyak</u> kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. Idea <u>tidak</u> menepati tema bahan rangsangan.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Bahagian B: Karangan Respons Terbuka

[100 markah]

PERINCIAN PEMARKAHAN

Cara Pemeriksaan

- Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
- Jika karangan:
 - Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa.
 - Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan.
- Kesalahan format hendaklah ditolak maksimum 2 markah.
- Kesalahan ejaan hendaklah ditolak ½ markah dan pemotongan maksimum 3 markah. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang.
- Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

() = Kesalahan isi

— = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang

○ = Kesalahan tanda baca

[Lihat halaman sebelah
SULIT

KRITERIA	DESKRIPSI
1. BAHASA (Mekanis)	<ul style="list-style-type: none"> Kegramatisan - kata (morfologi) - ayat (sintaksis) Tanda baca Ejaan
2. LARAS (Dinamis)	<ul style="list-style-type: none"> Pemilihan koşa kata
3. IDEA (ISI)	<ul style="list-style-type: none"> Tema Isi utama Pengembangan (huraian/bahasa/hujahan/ccontoh) Kerelevanan
4. PENGOLAHAN	<ul style="list-style-type: none"> Wacana Logik Pemerengganan Format
5. GAYA BAHASA	<ul style="list-style-type: none"> Keindahan bahasa Ungkapan Peribahasa

[Lihat halaman sebelah

SULIT

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	80 – 100 (90 – 100) (80 – 89)	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan <u>pelbagai jenis kata</u> yang luas dan tepat Penggunaan <u>pelbagai ayat majmuk</u> yang gramatis <u>Ejaan</u> dan <u>tanda baca</u> betul Laras bahasa sesuai dengan tugas Penggunaan <u>koşa kata</u> luas dan tepat <u>Idea relevan</u> mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai <u>Pengolahan</u> menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai <u>Wacana</u> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan Penggunaan <u>unsur bahasa bervariasi</u> <u>Gaya bahasa</u> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa
KEPUJIAN	66 – 79 (73 – 79) (66 – 72)	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan <u>pelbagai jenis kata</u> yang tepat Penggunaan <u>pelbagai ayat majmuk</u> yang gramatis tetapi terdapat <u>kesalahan yang minimum</u> <u>Ejaan</u> dan <u>tanda baca</u> betul <u>Laras bahasa</u> sesuai dengan tugas Penggunaan <u>koşa kata</u> luas dan tepat <u>Idea relevan</u> mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas, diserta dengan contoh yang sesuai <u>Pengolahan</u> menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai <u>Wacana</u> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan Penggunaan <u>unsur bahasa masih bervariasi</u> <u>Gaya bahasa</u> masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa

[Lihat halaman sebelah

SULIT

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
BAIK	51 – 65 (58 – 65) (51 – 57)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan <u>pelbagai jenis kata</u> sesuai • Penggunaan <u>ayat majmuk</u> gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum • <u>Ejaan</u> dan <u>tanda baca</u> masih betul • <u>Laras bahasa</u> sesuai mengikut tugas • Penggunaan <u>kosa kata umum</u> • <u>Idea masih relevan</u> mengikut tugas, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai • <u>Pengolahan</u> masih menarik, dan pemerenggan masih sesuai • <u>Wacana</u> masih lengkap • Penggunaan <u>unsur bahasa</u> masih bervariasi • <u>Gaya bahasa</u> kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan
MEMUASKAN	36 – 50 (43 – 50) (36 – 42)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan <u>pelbagai jenis kata</u> terhad • Ayat kurang gramatis • <u>Ejaan</u> dan <u>tanda baca</u> betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum • <u>Laras bahasa</u> kurang sesuai • Penggunaan <u>kosa kata umum</u> dan terhad • <u>Idea masih relevan</u> mengikut tugas, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai • <u>Pengolahan</u> kurang menarik, pemerenggan kurang sesuai • <u>Wacana</u> masih / kurang lengkap • Penggunaan <u>unsur bahasa</u> kurang bervariasi • <u>Gaya bahasa</u> kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan

[Lihat halaman sebelah
SULIT

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
KURANG MEMUASKAN	21 – 35 (28 – 35) (21 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan <u>kata</u> kurang tepat • Ayat <u>tidak gramatis</u> tetapi masih difahami • Terdapat <u>kesalahan ejaan dan tanda baca</u> yang ketara • <u>Idea masih relevan / idea bercampur aduk</u> dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai • <u>Pengolahan</u> tidak menarik • <u>Wacana</u> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang • <u>Unsur bahasa</u> tidak bervariasi • <u>Gaya bahasa</u> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah
PENCAPAIAN MINIMUM	01 – 20 (11 – 20) (01 – 10)	<ul style="list-style-type: none"> • Keseluruhan menunjukkan penggunaan <u>kata</u> dan <u>ayat</u> yang <u>tidak gramatis</u> • Kesalahan <u>ejaan dan tanda baca</u> yang ketara • <u>Idea bercampur aduk</u> dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai • <u>Pengolahan</u> tidak menarik • <u>Wacana</u> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai • <u>Gaya bahasa</u> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik • Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami

[Lihat halaman sebelah
SULIT

PANDUAN PEMARKAHAN BAHAGIAN A

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada kepentingan menabung wang kepada masyarakat.

Huraikan pendapat anda tentang kepentingan menabung wang kepada masyarakat. Panjangnya huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

Cadangan idea:

1. Jaminan pendidikan – menyambung pelajaran ke universiti
2. Waktu kecemasan – kemalangan
3. Simpanan hari tua – terlantar sakit

Tugasan soalan:

1. Calon perlu menghuraikan kepentingan menabung wang kepada masyarakat.
2. Calon perlu menggunakan kata ganti nama diri masyarakat sahaja. Jika huraian calon menggunakan kata ganti nama diri seperti kita, individu, keluarga atau lain-lain, karangan tidak layak cemerlang, markah maksimum peringkat KEPUJIAN.
3. Calon perlu menghuraikan ketiga-tiga idea yang diberikan untuk memperoleh markah cemerlang. Jika calon menggunakan satu atau dua daripada idea yang dicadangkan dan menambah idea lain, karangan tidak layak cemerlang, berikan markah maksimum peringkat KEPUJIAN.
4. Jika calon menulis karangan menggunakan idea sendiri dan tidak menggunakan idea yang diberikan, karangan tidak layak cemerlang, berikan markah maksimum peringkat KEPUJIAN.
5. Calon perlu menggunakan gambar sebagai contoh. Jika murid menggunakan contoh lain tetapi berkaitan, layak cemerlang.

{Lihat halaman sebelah
SULIT

PANDUAN PEMARKAHAN BAHAGIAN B

Soalan 1

Aktiviti seperti beriadah, berkhemah dan menyertai program khidmat masyarakat pada musim cuti sekolah amat digalakkan kepada remaja.

Jelaskan faedah-faedah yang anda peroleh daripada aktiviti-aktiviti tersebut.

Tugasan soalan:

1. Calon perlu menghuraikan faedah-faedah yang diperoleh remaja daripada aktiviti beriadah, berkhemah dan menyertai program khidmat masyarakat.
2. Calon perlu menggunakan kata ganti nama diri "saya". Jika calon menggunakan kata ganti nama diri kita atau individu, karangan tidak layak cemerlang, berikan markah maksimum peringkat KEPUJIAN.
3. Calon perlu mengaitkan aktiviti seperti beriadah, berkhemah dan menyertai program khidmat masyarakat dengan faedah yang diperoleh, contohnya:
 - (i) beriadah seperti bersenam dan bersukan – menyihatkan tubuh
 - (ii) beriadah seperti melancong – meredakan tekanan perasaan
 - (iii) berkhemah di hutan lipur – mengisi masa lapang dengan aktiviti berfaedah
 - (iv) berkhemah di gunung atau bukit – memupuk nilai kerjasama
 - (v) menyertai program khidmat masyarakat dengan membersihkan kawasan perkuburan – mewujudkan persekitaran yang bersih dan selamat
 - (vi) menyertai program khidmat masyarakat dengan mencerikan balai raya – memupuk rasa bertanggungjawab
4. Aktiviti beriadah, berkhemah dan menyertai program khidmat masyarakat perlu dinyatakan secara spesifik, antaranya:
 - (i) Beriadah: bersenam, bersukan, melancong
 - (ii) Berkhemah: berkhemah di hutan lipur, berkhemah di tepi sungai, berkhemah di taman negara, berkhemah di gunung / bukit
 - (iii) Menyertai program khidmat masyarakat: mencerikan balai raya, membersihkan kawasan perkuburan, membersihkan rumah orang tua dan golongan kelainan upaya
5. Jika calon hanya menyatakan aktiviti beriadah, berkhemah dan menyertai program khidmat masyarakat secara umum, karangan tidak layak cemerlang, berikan markah maksimum peringkat BAIK.

{Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 2

Cabaran membentuk masyarakat yang bersatu padu di sekolah amat besar. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah wajar mengambil langkah-langkah untuk memupuk perpaduan antara kaum dalam kalangan murid.

Bincangkan.

Tugasan soalan:

1. Calon perlu menghuraikan langkah-langkah yang wajar diambil pihak sekolah untuk memupuk perpaduan antara kaum dalam kalangan murid.
2. Calon perlu menghuraikan langkah yang perlu dilakukan oleh pihak sekolah sahaja. Jika karangan menghuraikan pihak lain seperti kementerian, kerajaan, pihak swasta, ibu bapa, individu, masyarakat dan sebagainya tidak layak cemerlang, berikan markah maksimum peringkat BAIK.
3. Calon perlu mengaitkan cabaran membentuk masyarakat yang bersatu padu di sekolah dengan langkah-langkah yang wajar diambil pihak sekolah untuk memupuk perpaduan antara kaum dalam kalangan murid, antaranya:
 - (i) cabaran perbezaan bahasa – menggunakan bahasa komunikasi yang sama
 - (ii) cabaran tanggapan negatif – menyusun kedudukan murid tidak mengikut kaum
 - (iii) cabaran sikap individualistik – mendidik murid dengan nilai-nilai murni
 - (iv) cabaran perbezaan budaya – menganjurkan program berunsurkan kebudayaan
4. Sekiranya karangan calon tidak menyentuh cabaran dan hanya menghuraikan langkah-langkah, tidak layak cemerlang, berikan markah maksimum peringkat BAIK.
5. Jika calon menghuraikan cabaran dan langkah, tetapi tidak menjurus kepada murid, sebaliknya langkah membentuk masyarakat yang bersatu padu di negara kita, tidak layak cemerlang, berikan markah maksimum peringkat BAIK.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 3

Keistimewaan yang dimiliki oleh Malaysia sebagai destinasi pelancongan memerlukan kerajaan dan agensi swasta mengambil langkah yang sepatutnya untuk menarik kedatangan pelancong.

Ulas pernyataan ini.

Tugasan soalan:

1. Calon perlu menghuraikan keistimewaan yang dimiliki oleh Malaysia sebagai destinasi pelancongan sehingga langkah-langkah yang sepatutnya perlu dilakukan oleh kerajaan dan agensi swasta.
2. Calon perlu mengaitkan bagaimana keistimewaan Malaysia sebagai destinasi pelancongan memerlukan kerajaan dan agensi swasta mengambil langkah-langkah yang sepatutnya.
3. Huraian keistimewaan Malaysia sebagai destinasi pelancongan dengan langkah-langkah kerajaan dan agensi swasta tidak boleh secara berasingan. Jika diuraikan secara berasingan, tidak layak cemerlang, berikan markah maksimum peringkat BAIK.
4. Huraian mesti menyentuh kerajaan dan agensi swasta. Jika menyentuh salah satu sahaja, tidak layak cemerlang, berikan markah maksimum peringkat BAIK.
5. Contoh keistimewaan Malaysia sebagai destinasi pelancongan:
 - (i) Keindahan alam semula jadi – taman negara, hutan lipur, pulau-pulau peranginan
 - (ii) Keunikan kebudayaan nasional – pakaian, makanan, tarian
 - (iii) Kestabilan politik tanah air – tiada peperangan, tiada rusuhan
 - (iv) Terhindar daripada bencana alam – terletak di luar Lingkaran Api Pasifik
 - (v) Kewujudan tempat-tempat bersejarah – Kota A Famosa, Lembah Bujang, Stesen Kereta api Kuala Lumpur
 - (vi) Kewujudan taman tema – i-City, Tanah Tinggi Genting, Legoland, Sunway Lagoon
6. Cadangan idea:

Kerajaan:

 - (i) Memelihara dan memulihara tempat-tempat menarik di Malaysia
 - (ii) Menguatkuasakan undang-undang
 - (iii) Mempromosikan Tahun Melawat Malaysia

Agensi Swasta:

 - (i) Mewujudkan tarikan-tarikan terbaharu dalam negara.
 - (ii) Menganjurkan karnival pelancongan
 - (iii) Menawarkan pakej percutian yang menarik.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 4

Pengambilan tenaga kerja dari negara luar bertujuan membantu pembangunan ekonomi negara, namun begitu terdapat beberapa masalah sosial yang timbul. Sehubungan dengan itu, anda ingin menulis sebuah rencana bertajuk 'Langkah-langkah Mengatasi Masalah Sosial yang Ditimbulkan oleh Tenaga Kerja dari Negara Luar.'

Tulis rencana itu selengkapnya.

Tugasan soalan:

1. Calon perlu menghuraikan langkah-langkah mengatasi masalah sosial yang ditimbulkan oleh tenaga kerja dari negara luar.
2. Calon perlu mengaitkan bagaimana masalah sosial yang ditimbulkan dapat diatasi dengan langkah-langkah yang dilakukan.
3. Calon perlu menulis karangan mengikut format rencana. Tolak 1 markah jika tiada tajuk. Tolak 1 markah jika tiada nama penulis. Jika format tidak lengkap, tidak layak cemerlang, markah maksimum peringkat KEPUJIAN.
4. Calon perlu menghuraikan langkah-langkah pelbagai pihak mengatasi masalah sosial yang ditimbulkan oleh tenaga kerja dari negara luar:
 - (i) Imigresen menyaring tenaga kerja dari luar yang bermasalah kesihatan di pintu-pintu masuk negara
 - (ii) Kerajaan menghantar pulang tenaga kerja ke negara asal mereka
 - (iii) Pihak berkuasa tempatan melakukan pemantauan berkala
 - (iv) Anggota masyarakat membuat aduan kepada pihak berwajib
 - (v) Media massa menyiarkan dokumentari berkaitan masalah yang ditimbulkan oleh tenaga kerja dari luar negara
5. Calon perlu menyatakan sekurang-kurangnya satu nama negara asal tenaga kerja seperti Indonesia, Bangladesh, Nepal, Vietnam, Kemboja, Thailand, China, Nigeria dan sebagainya. Jika calon tidak menyatakan nama negara, tidak layak cemerlang, markah maksimum KEPUJIAN.
6. Calon perlu menyatakan masalah sosial secara spesifik:
 - (i) Penyakit berbahaya – Influenza H1N1, kusta, tibi
 - (ii) Budaya kuning – pakaian mencolok mata, minum arak, pergaulan bebas
 - (iii) Masalah jenayah – ragut, rompakan, pengedaran dadah
 - (iv) Kebersihan – pembuangan sampah sarap
 - (v) Petempatan – setinggan

Soalan 5

Sesebuah karya sastera yang baik dan menarik dapat mendidik pembaca.

Huraikan ciri-ciri karya sastera yang baik dan menarik.

Tugasan soalan:

1. Calon perlu menghuraikan ciri-ciri karya sastera dan menarik.
2. Calon perlu mengaitkan bagaimana karya sastera yang baik dan menarik dapat mendidik pembaca.
3. Huraian ciri-ciri karya sastera yang baik dan menarik dapat mendidik pembaca tidak boleh secara berasingan. Jika dihuraikan secara berasingan, tidak layak cemerlang, berikan markah maksimum peringkat BAIK.
4. Calon perlu menyatakan sekurang-kurangnya satu nama karya sastera seperti novel, cerpen, drama, prosa tradisional dan puisi tradisional. Jika calon tidak menyatakan nama karya sastera, tidak layak cemerlang, markah maksimum KEPUJIAN.
5. Cadangan idea ciri-ciri karya sastera yang baik dan menarik:
 - (i) Tema yang kuat – mengubah tanggapan pembaca
 - (ii) Persoalan yang pelbagai – mengubah sikap pembaca
 - (iii) Penggunaan bahasa yang baik – menggalakkan pembaca menggunakan bahasa yang betul dan tepat
 - (iv) Penerapan nilai-nilai murni – membentuk insan dalam diri pembaca
 - (v) Watak yang dapat diteladani – menjadikan inspirasi dalam kehidupan pembaca
 - (vi) Pengajaran yang banyak – menginsafkan pembaca

PERATURAN PERMARKAHAN TAMAT

SULIT



JABATAN PENDIDIKAN SELANGOR

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2017 1103/2(PP)
BAHASA MELAYU
Kertas 2
Peraturan Pemarkahan
Ogos

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan permarkahan ini **SULIT** dan Hak Cipta Jabatan Pendidikan Selangor. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan permarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan permarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 16 halaman bercetak

1103/2(PP) © 2017 Hak Cipta Jabatan Pendidikan Selangor

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

SULIT

2

1103/2(PP)

Markah penuh : 110 markah

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi - 20 markah
(b) Bahasa - 10 markah

(A) ISI [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata sendi *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.
(iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya tidak perlu diperiksa.
(iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah Maksimum
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16	
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Kesimpulan											2
Jumlah Markah											20

1103/2(PP) © 2017 Hak Cipta Jabatan Pendidikan Selangor

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

PENDAHULUAN [2 markah]		Markah
P1	Petikan membincangkan faktor / sebab kemusnahan ekosistem hutan di negara kita / Malaysia.	2
P2	Petikan membincangkan faktor / sebab kemusnahan ekosistem hutan dan kepentingan untuk mengawal kemusnahan ekosistem hutan.	2
P3	Rumusan membincangkan faktor / sebab kemusnahan ekosistem hutan dan langkah-langkah untuk mengawal kemusnahan ekosistem hutan.	2
P4	Petikan / rumusan membincangkan faktor / sebab kemusnahan ekosistem hutan.	1
P5	Petikan / rumusan membincangkan punca kemusnahan ekosistem hutan dan langkah-langkah untuk mengawal kemusnahan ekosistem hutan.	0

ISI TERSURAT [4 hingga 12 markah]		Markah
Punca kemusnahan alam		
S1	menjadi mangsa pencabulan ekoran sikap tamak haloba manusia	2
S2	Ekosistem ini bukan sahaja diteroka secara berterusan untuk mendapatkan sumber bahan mentah bagi memenuhi keperluan industri	2
S3	turut digondolkan untuk tujuan pembangunan	2
S4	segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab tergamak melakukan penerokaan ke atas kawasan hutan simpan	2
S5	menjadi tumpuan pembalok haram untuk membalak di kawasan ini yang turut menyumbang kepada berlakunya kemusnahan ekosistem hutan	2
S6	pembakaran hutan secara terbuka	2
S7	Industri pelancongan merupakan sebahagian punca kemusnahan hutan	2
S8	Pembinaan kemudahan infrastruktur seperti jalan raya dan lebih raya turut memusnahkan ekosistem hutan	2
S9	Pembangunan yang terlalu mendadak di kawasan pelancongan akan memusnahkan ekosistem hutan tanpa kita sedari	2

ISI TERSIRAT [4 hingga 12 markah]		Markah
Langkah-langkah untuk mengawal kemusnahan ekosistem hutan		
S1	Aktiviti penerokaan hutan ini perlu dihentikan segera	2
S2	pihak yang terlibat memikirkan dan mengusahakan alternatif lain yakni dengan mencari tanah-tanah yang belum diusahakan untuk dibuka bagi tujuan pertanian	2
S3	kerajaan mewartakan semua hutan sebagai taman negara dan hutan simpan kekal	2
S4	Tindakan undang-undang / hukuman berat kepada pesalah	2
S5	kerajaan mewajibkan penanaman pokok untuk pembangunan diganti secepat mungkin	2
S6	kempen kesedaran / ceramah	2
S7	pasukan penguat kuasa hutani / renjer hutan perlu ditambah	2

KESIMPULAN [2 markah]		Markah
K1	Kesimpulannya semua pihak perlu tahu akan punca kemusnahan ekosistem hutan agar / supaya masyarakat akan terus menjaga hutan demi generasi akan datang.	2
K2	Kesimpulannya semua pihak perlu tahu akan punca kemusnahan ekosistem hutan.	0

[Lihat halaman sebelah
SULIT

(B) BAHASA [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Kriteria
Baik	18 – 20 15 – 17	9 – 10 7 – 9	<ul style="list-style-type: none"> • Kesinambungan isi baik • Struktur ayat / tatabahasa baik • Kosa kata luas • Tanda baca / ejaan betul
Sederhana	12 – 14 8 – 11	6 – 7 4 – 6	<ul style="list-style-type: none"> • Kesinambungan isi masih baik • Struktur ayat / tatabahasa masih memuaskan • Kosa kata masih memuaskan • Tanda baca / ejaan juga memuaskan
Lemah	1 – 7	1 – 4	<ul style="list-style-type: none"> • Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan

Nota :

- Jika bahasanya agak baik, tambah 1 markah lagi.
- Jika bahasanya kurang memuaskan, tolak 1 markah.
- Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, berikan 0 markah.
- Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah tidak dipotong.

[Markah bahasa maksimum : 10 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 2

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada :

Soalan 2(a) : 9 markah

Soalan 2(b) : 9 markah

Soalan 2(c) : 8 markah

Soalan 2(d) : 9 markah

Perhatian bagi soalan 2(a) hingga soalan 2(d)

- Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
- Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
- Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

- Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan tepat tetapi ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup tetapi ayat gramatis	0
- Jawapan tidak tepat / salah	0

- Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat gramatis	1
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

- Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat masih gramatis	2
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 2(a) - Petikan Umum

2 (a) i - Maksud:	Markah
P1 tempat tinggal / lingkungan binatang	2
P2 tempat tinggal / lingkungan haiwan	1
P3 habitat binatang	1
[maksimum : 2 markah]	
2 (a) ii - Kepentingan hutan kepada manusia:	Markah
P1 hutan berperanan penting kepada manusia kerana membekalkan sumber bahan mentah	1
P2 penyumbang kepada sosioekonomi	1
P3 kestabilan ekologi kepelbagaian hayat sesebuah negara	1
[maksimum : 3 markah] Isi cukup : 2 isi	
2 (a) iii - Kesan kemusnahan hutan kepada manusia:	Markah
P1 menjejaskan rantai makanan / sumber makanan	1
P2 mendorong kejadian bencana alam / banjir kilat	1
P3 menyebabkan pencemaran sungai	1
P4 menjejaskan kawasan tadahan hujan	1
P5 menjejaskan sumber pendapatan masyarakat pedalaman	1
P6 mengakibatkan kesan rumah hijau / mengurangkan kandungan oksigen	1
P7 menjejaskan aktiviti rekreasi di dalam hutan	1
P8 menjejaskan industri perakyuan negara	1
[maksimum : 4 markah] Isi cukup : 3 isi	

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 2(b) - Petikan Drama

2 (b) i - Syarat-syarat yang dikenakan oleh doktor:		Markah
P1	jangan pergi jauh-jauh	1
P2	selepas bersiar-siar, mesti balik ke hospital semula	1
P3	jika Azmir boleh patuh kepada syarat itu, dia boleh keluar	1
[maksimum : 2 markah] Isi cukup : 2 isi		
2 (b) ii - Cadangan dan alasan:		Markah
P1	Cadangan: riadah jasmani. Alasan: dapat menjadikan fizikal lebih mantap malah organ dalaman serta sistem pernafasan kita juga dapat berjalan dengan lancar	1+1
P2	Cadangan: riadah dari segi minda. Alasan: dengan membaca ayat-ayat suci al-Quran, komik, novel, dan segala bahan-bahan yang dapat menenangkan jiwa	1+1
P3	Cadangan: mengalih pandangan kepada situasi yang lebih tenang atau relaks. Alasan: pelajar boleh menyanyi, menari, dan menjerit. Hal ini boleh membantu pelajar melepaskan stres sambil menyanyi tidak kira di dalam bilik air ataupun di mana-mana sahaja tanpa mementingkan seni kata lagu tersebut	1+1
P4	Cadangan: meluahkan perasaan kepada sahabat karib ataupun meluarkannya dalam diari. Alasan: pelajar mungkin melihat masalah itu terlalu berat, tetapi mungkin tidak pada sahabat karib.	1+1
P5	Cadangan: melihat segala masalah itu dari segi positif. Alasan: Pelajar mestilah cuba berfikir secara positif dengan menerima masalah itu sebagai panduan atau hikmah dalam kehidupan pada masa akan datang	1+1
P6	Cadangan: murid juga boleh menetapkan semula matlamat atau keutamaan yang realistik dalam kehidupan seharian. Alasan: bagi mengelakkan pelajar tidak membuang masa dan melakukan sesuatu yang merugikan.	1+1
[maksimum : 3 markah] Isi cukup : 2 isi		
2 (b) iii		Markah
Pengajaran dalam petikan:		
P1	Kita hendaklah sentiasa prihatin terhadap nasib orang lain supaya kita dapat membantu mereka. Contoh: Doktor prihatin dengan keadaan Azmir lalu mengizinkannya keluar dari wad pesakit jiwa itu seketika.	1+1
P2	Kita perlulah patuh kepada arahan pihak yang berkuasa agar tidak menimbulkan sebarang masalah. Contoh: Azmir sanggup mematuhi syarat yang diberi oleh Doktor untuk dia keluar bersiar-siar.	1+1

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Pengajaran daripada keseluruhan drama yang tidak dapat dalam petikan:		Markah
P3	Kita hendaklah setia kepada pasangan supaya kita tidak melakukan perbuatan khianat. Contoh: Azmir setia terhadap Ani yang telah meninggalkannya setelah Ani beranggapan bahawa Azmir gila	1+1
P4	Kita mestilah bersikap baik hati kepada orang lain agar hidup aman damai. Contoh: Doktor bersikap baik hati terhadap Azmir dengan membenarkan Azmir bersiar-siar di kawasan hospital	1+1
P5	Kita hendaklah menghargai jasa orang lain supaya orang tersebut tidak berasa dipinggirkan. Contoh: Azmir menghargai jasa-jasa petani, nelayan, dan buruh yang menyumbang kepada kesejahteraan hidup	1+1
P6	Kita haruslah memberikan kasih sayang yang sepenuhnya terhadap anak-anak supaya keluarga akan bahagia. Contoh: Bapa Azmir menziarahi Azmir walaupun anaknya itu dikatakan gila	1+1
[maksimum : 4 markah] Isi cukup : 2 isi		

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Jawapan 2(c) - Petikan Prosa Tradisional

2 (c) i - Titah raja kepada orang yang empunya harta:		Markah
P1	segala harta ini dibahagi tiga	1
P2	dua bahagi akan Laksamana	1
P3	sebahagi akan orang yang empunya harta	1
[maksimum : 2 markah] Isi cukup : 2 isi		
2 (c) ii - Tindakan Laksamana apabila diperintah oleh Raja Melaka untuk menerima harta:		Markah
P1	menerima harta sebahagian jika dipersetujui oleh tuan harta	1
P2	yang sebahagi itu dibahagi tiga	1
P3	sebahagi itu didermakan pada segala fakir miskin	1
P4	sebahagi lagi diberikan kepada segala pegawai yang tiada penguasaan	1
P5	sebahagi diberikan pada segala orangnya	1
[maksimum : 3 markah] Isi cukup : 2 isi		
2 (c) iii		Markah
Alasan - Jawapan YA:		
P1	Harta tersebut memang sepatutnya dibahagikan kepada orang yang lebih memerlukan dan berjasa	1
P2	Mendapatkan semula harta tersebut merupakan tugas Laksamana dalam menjaga keselamatan dan keamanan dan jasa tersebut tidak perlu dibalas menggunakan harta rakyat	1
Alasan - Jawapan TIDAK:		Markah
P3	Harta tersebut boleh digunakan untuk tujuan dan kerja kebajikan lain seperti membina madrasah, membaiki kemudahan awam dan lain-lain.	1
P4	Harta tersebut boleh digunakan untuk hal-hal kecemasan pada masa hadapan.	1
[maksimum : 3 markah] Isi cukup : 2 isi		

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 2(d) - Sajak

2 (d) i - Keadaan penyair dalam sajak:		Markah
P1	Kesepian	1
P2	kesunyian	1
P3	kesakitan	1
P4	berasa diri tidak beerti	1
[maksimum : 2 markah] Isi cukup : 2 isi		
2 (d) ii - Tindakan-tindakan yang perlu dilakukan untuk menggembarakan hati ibu bapa:		Markah
P1	menziarahi ibu bapa	1
P2	menjaga kebajikan ibu bapa	1
P3	meraikan hari istimewa ibu bapa seperti hari lahir dan hari ulang tahun perkahwinan	1
P4	mengajak ibu bapa melancong / menunaikan umrah atau haji	1
P5	memberi wang / hadiah kepada ibu bapa	1
(Perkara lain yang berkaitan boleh diterima) [maksimum : 3 markah] Isi cukup : 2 isi		
2 (d) iii - Dua pengajaran daripada sajak:		Markah
P1	Anak-anak mestilah bertanggungjawab menjaga ibu bapa agar kehidupan akan diberkati Tuhan	1+1
P2	Anak-anak perlulah kerap menziarahi ibu bapa agar ibu bapa sentiasa gembira	1+1
P3	Ibu bapa hendaklah mendoakan kebahagiaan anak-anak supaya hidup mereka akan selamat	1+1
P4	Kita mestilah menjaga kebajikan ibu bapa agar ibu bapa tidak terabai	1+1
[maksimum : 3 markah] Isi cukup : 2 isi		

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 3

Soalan 3(a) : 6 markah

Soalan 3(b) : 6 markah

Soalan 3(c) : 6 markah

Soalan 3(d) : 6 markah

Soalan 3(e) : 6 markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Frasa yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Frasa digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah atau menukar imbuhan, berikan 0 markah
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua frasa digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Idea tidak jelas, berikan 0 markah.

Jawapan 3(a) - Penjodoh bilangan

- (i) kaki (*payung, cendawan, kunyit atau bunga*)
- (ii) gugus (*kunci, buah yang tumbuh banyak-banyak pada setangkai seperti anggur*)
- (iii) berkas (*ikatan atau susunan seperti kayu api, lidi, surat dan lain-lain*)
- (iv) lembar (*benda yang panjang dan luas bidangnya seperti benang, tali, kertas dan lain-lain*)
- (v) pasang (*dua benda yang melengkapi satu sama lain seperti anggota tubuh, selipar, stoking, anting-anting dan lain-lain*)
- (vi) kuntum (*bunga*)

[6 markah]

Jawapan 3(b) - Jenis-jenis ayat perintah

- (i) Jemput ke majlis perkahwinan saya. (*ayat silaan*)
- (ii) Jangan lalu di kawasan peperiksaan. (*ayat larangan*)
- (iii) Buang sampah ke dalam tong sampah. (*ayat suruhan*)
- (iv) Jika aku pulang lewat, usah tunggu aku. (*ayat larangan*)
- (v) Baca soalan dengan teliti sebelum menjawabnya. (*ayat suruhan*)
- (vi) Harap bersabar sementara menunggu giliran anda. (*ayat permintaan*)

[Lihat halaman sebelah

SULIT

Jawapan 3(c) – Kesalahan Ejaan dan Imbuhan

- (i) Ejaan: kilo meter → kilometer
Imbuhan: memperindahkan → memperindah / mengindahkan
- (ii) Ejaan: Antilsrael → Anti-Israel
Imbuhan: mensarankan → menyarankan
- (iii) Ejaan: perindastrian → perindustrian
Imbuhan: bertumpukan → menumpukan

[6 markah]

Jawapan 3(d) – Kesalahan Kata atau Istilah dan Tatabahasa

- (i) Kata : menolak → mendorong
goyang → goyah
ikut serta → campur tangan
- (ii) Tatabahasa: agar → untuk / bagi
banyak kilang-kilangnya → banyak kilangnya / kilang-kilangnya
pada → kepada

[6 markah]

Jawapan 3(e) - Peribahasa

Sebelum zaman penjajahan British, orang Melayu telah menjalankan kegiatan pertanian secara kecil-kecilan hanya untuk menyara diri dan keluarga. Kedatangan penjajah yang telah mengembangkan perlombongan bijih timah dan pertanian getah menjadikan imigran Cina dan India dibawa masuk ke Tanah Melayu kerana telah menjadi lubuk rezeki. Kerana menyedari kepentingan perpaduan, mereka telah menubuhkan Parti Perikatan lalu membentuk kerajaan yang merdeka.

- (i) Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang
- (ii) Ada gua, ada semut
- (iii) Bersatu teguh, bercerai roboh / seikat bagai sirih, serumpun bagai serai

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

Soalan 4
Markah penuh 15 markah

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4

(a)

- (i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- (iii) Beri 2 markah bagi setiap peristiwa yang berkaitan **konflik** yang lengkap atau jelas.
- (iv) Beri 2 markah bagi huraian / contoh yang lengkap / jelas bagi setiap penyelesaian oleh watak utama.
- (v) Markah isi, maksimum 4 markah
- (vi) Markah bahasa, maksimum 3 markah
- (vii) Markah bahasa diberi secara *impression*
 - Baik : 3 markah
 - Sederhana : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- (viii) Jika calon menjawab dan *markah* isi 0, beri 1 *markah* untuk bahasa.
- (ix) Calon yang tidak menjawab 0 *markah*.

[Maksimum : 7 markah]

(b)

- (i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- (iii) Beri 2 markah untuk **pengajaran** lengkap yang dikemukakan bagi setiap novel.
- (iv) Beri 1 markah untuk huraian / contoh yang lengkap / jelas bagi setiap pengajaran.
- (v) Markah isi, maksimum 6 markah
- (vi) Markah bahasa, maksimum 2 markah
- (vii) Markah bahasa diberi secara *impression*
 - Baik : 2 *markah*
 - Lemah : 1 *markah*
- (viii) Jika calon menjawab dan *markah* isi 0, beri 1 *markah* untuk bahasa.
- (ix) Calon tidak menjawab 0 *markah*.

[Maksimum: 8 markah]

Soalan 4(a)

Dua peristiwa yang menggambarkan peranan watak utama untuk menyelesaikan konflik

Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib

Watak Utama: Leftenan Adnan

Peristiwa: Adnan telah dituduh sebagai pengkhianat bangsa kerana keluarganya pernah menjadi tali barut kepada Inggeris ketika moyangnya telah menjadi orang buruan Inggeris.

Penyelesaian: Adnan sabar dengan lekehan rakan-rakannya dengan tidak menghiraukan tempelak rakan-rakan sekampungnya itu. (1+1)

Peristiwa: Budin daripada pasukan Kampung Sungai Merap tidak berpuas hati kerana kekalahan di tangan pasukan Kampung Sungai Ramal. Mereka mengatur pula perlawanan tinju antara kedua-dua pasukan. Budin akan bertinju dengan Adnan.

Penyelesaian: Budin dan Adnan bersepakat untuk tidak meneruskan perlawanan tinju itu dan mereka menjadi sahabat. (1+1)

Peristiwa: Pertempuran Batalion Kedua Askar Melayu dengan pendaratan askar Jepun di Pantai Cahaya Bulan pada 8 Disember 1941. Askar Jepun telah ditentang hebat oleh askar Melayu yang dibantu oleh tentera India British. Pada hari kedua, kapal-kapal perang Jepun telah melepaskan tembakan menyebabkan banyak terkorban dan banyak askar India British melarikan diri.

Penyelesaian: Semangat Leftenan Adnan tidak berputus asa lalu bertahan dan berjaya menggagalkan askar Jepun tetapi pada hari ketiga askar Melayu yang bertempur terpaksa berundur. Askar Jepun berjaya mendarat di Kelantan. (1+1)

Peristiwa: Konflik berlaku di antara askar Melayu dengan tentera Jepun pada masa terakhir Perang Dunia Kedua. Pada masa ini, Leftenan Adnan terus memberikan kata-kata semangat kepada anak-anak buahnya. Walaupun mereka semakin kehabisan peluru sedangkan asakan tentera Jepun semakin bertambah.

Penyelesaian: Semangat askar Melayu tidak pernah berkurang dan terus berjuang mempertahankan diri dan maruah negara. (1+1)

Tirani karya Beb Sabariah

Watak Utama: Waheeda

Peristiwa: Ibu bapa Waheda tidak membenarkan dia melakukan pembedahan kerana menyalahi hukum agama.

Penyelesaian: Waheeda melakukan pembedahan setelah dicakar oleh Beruk Belanda atas cadangan doktor. (1+1)

Peristiwa: Doktor Zahari sering ke rumah sewaan Bazilah untuk berbual-bual dengan Wahedaa sedangkan Bazilah sibuk menyiapkan tesisnya.

Penyelesaian: Waheeda berpindah ke Flamingo Resort untuk mengelakkan hubungannya dengan Bazilah renggang. (1+1)

Peristiwa: Zahid tidak percaya bahawa Izzati ialah anak kandungnya dan menuduh Waheeda curang.

Penyelesaian: Waheeda membuat ujian DNA untuk membuktikan bahawa Izzati anak kandung Zahid tetapi Zahid tidak melihat keputusan tersebut. (1+1)

Peristiwa: Waheeda tidak dapat menerima kenyataan yang dia diceraikan oleh Zahid dengan talak satu.

Penyelesaian: Waheeda menerima rawatan di Hospital PUSRAWI Kuala Lumpur. (1+1)

(peristiwa yang menggambarkan peranan watak utama untuk menyelesaikan konflik lain yang berkaitan boleh diterima.)

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 4 (b)

Satu pengajaran tentang keberanian

Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib

Kita hendaklah berani mempertahankan tanah air daripada dijajah agar kita dapat mengekalkan kedaulatan negara. Contohnya, Leftenan Adnan berani berjuang bermati-matian sehingga titisan darah yang terakhir untuk mempertahankan bumi tercinta daripada jatuh ke tangan tentera Jepun. (2+1)

Kita hendaklah berani menuntut ilmu demi masa depan walaupun terpaksa menghadapi pelbagai cabaran agar masa hadapan terjamin. Contohnya, peristiwa pak Saidi berani menghantar Adnan ke sekolah Inggeris walaupun mendapat tentangan daripada penduduk kampung. (2+1)

Remaja mestilah berani mengetengahkan bakat agar dapat dikembangkannya pada peringkat lebih tinggi. Contohnya, Adnan memasuki pertandingan berpidato Bahas Inggeris dan mendapat johan. (2+1)

Tirani karya Beb Sabariah

Kita hendaklah berani menghadapi menghadapi cabaran hidup agar beroleh kejayaan. Contohnya Waheeda sabar dengan ejekan rakan-rakannya yang sering mengejek hidungnya yang pesek dan Waheeda juga sabar menangani sifat cemburu buta suaminya yang selalu menuduhnya mengadakan hubungan sulit dengan lelaki lain. (2+1)

Kita hendaklah berani mengambil risiko untuk memajukan perniagaan agar perniagaan berkembang. Contohnya, Waheeda berani menanggung risiko dengan membuat pinjaman baharu daripada tabung usahawan siswazah, Bank Pembangunan untuk membeli Chalet Iwana-Iwani yang ingin dijual oleh pemiliknya, Abdul Aziz Imran. (2+1)

Kita hendaklah berani membuat keputusan agar perkerjaan yang dilakukan akan berjalan lancar. Contohnya, peristiwa Waheeda gigih mendapatkan pinjaman tabung usahawan siswazah daripada Bank Pembangunan untuk menubuhkan Syarikat Tajau Emas. (2+1)

(pengajaran lain berkaitan keberanian boleh diterima.)

PERATURAN PERMARKAHAN TAMAT

[Lihat halaman sebelah
SULIT